

03 NOV 1998

Mahkamah-Anwar (Pembukaan)

PENDAKWA AKAN BUKTIKAN TUDUHAN TERHADAP ANWAR

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Pihak pendakwaan akan membuktikan bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menggunakan kedudukannya sebagai bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk kepentingan sendiri.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail memaklumkan perkara itu kepada Mahkamah Tinggi hari ini ketika memulakan kes terhadap Anwar di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Gani berkata, pihaknya telah mengemukakan empat pertuduhan terhadap Anwar mengikut Seksyen 2(1), Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970, yang membawa hukuman penjara maksimum 14 tahun atau denda RM2,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Beliau berkata, Pendakwa Raya akan mengemukakan bukti yang melampaui sebarang keraguan yang munasabah bahawa Anwar telah melakukan kesalahan-kesalahan itu semasa menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Perkara-perkara yang membawa kepada tuduhan terhadap Anwar berpunca daripada surat bertarikh 5 Ogos 1997 daripada Ummi Hafilda binti Ali kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan perihal salah laku Anwar dan pengakuan bersumpah Azizan Abu Bakar, dan satu surat bertajuk "Talqin Terbuka Untuk Anwar Ibrahim."

Gani berkata, pihaknya juga akan membuktikan bahawa Anwar telah mengambil pelbagai tindakan untuk menafikan kandungan surat-surat dan pengakuan bersumpah berkenaan dengan cara menggunakan Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia.

Katanya, Anwar telah berjumpa Pengarah Cawangan Khas, Datuk Mohd Said Awang dan Timbalan Pengarah Cawangan Khas II, Datuk Amir Junus di kediaman rasminya dan mengarahkan mereka supaya memperolehi surat-surat penafian daripada Ummi Hafilda dan Azizan, masing-masing bertarikh 18 Ogos, 1997 dan 29 Ogos 1997.

"Surat-surat ini telah kononnya menafikan kandungan surat pertama dari Ummi Hafilda bertarikh 5 Ogos 1997 serta pengakuan bersumpah Azizan," katanya lagi.

Seramai 52 saksi akan dipanggil oleh pendakwa raya bagi membuktikan tuduhan terhadap Anwar. Perbicaraan yang bermula semalam dijangka berjalan sehingga 14 Nov.

Perbicaraan hari ini bermula dengan mahkamah menolak permohonan ketua pasukan peguam bela Raja Aziz Addruse untuk menangguhkan perbicaraan sehingga rayuan bagi keputusan mahkamah semalam selesai.

Hakim Datuk S. Augustine Paul telah membuat beberapa keputusan yang berbentuk teknikal dan prosedur termasuk menolak bantahan awal peguam bela terhadap kesahihan Ordinan No.22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat, 1970, yang digunapakai untuk keempat-empat tuduhan itu atas alasan ia telah dimansuh oleh Dewan Rakyat pada 22 Okt.

Raja Aziz berkata pihaknya akan mengemukakan rayuan terhadap penolakan itu. Anwar mempunyai 14 hari untuk berbuat demikian.

Hari ini, Paul juga menjelaskan bahawa perintah mahkamah yang tidak membenarkan Majlis Peguam mendapat status pemerhati dalam kes itu masih kekal.

Anwar yang kelihatan tidak seceria semalam, memakai kemeja jalur biru dan berseluar biru gelap, dibawa masuk ke mahkamah pukul 2.06 petang dan terus memeluk ibunya Datin Che Yan Hamid, isterinya Datin Seri Dr Wan

Azizah Wan Ismail dan kenalannya dari Indonesia, Dr Adnan Buyung Nasution dari International Commission of Jurists yang beribu pejabat di Geneva.

-- BERNAMA

SBB PR